



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 10 NOVEMBER 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	COCOTECH 2022 PLATFORM TERBAIK FAHAMI ISU DAN CABARAN INDUSTRI KELAPA, NEGERI, SH -25	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)

UKKMAFI

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**



Ahmad ketika menyampaikan ucapan ketika Majlis Makan Malam COCOTECH 2022 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) pada Isnin.

COCOTECH 2022 platform terbaik fahami isu dan cabaran industri kelapa



KUALA LUMPUR - Persidangan dan Pameran Cocotech Antarabangsa ke-50 tahun 2022 (COCOTECH 2022) merupakan platform terbaik dalam memahami isu dan cabaran industri kelapa di negara ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (I), Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, persidangan anjuran Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dengan kerjasama Komuniti Kelapa Antarabangsa (ICC) itu penting untuk menunjukkan komitmen negara dalam memberi penekanan kepada memajukan pertanian mampan serta agenda keselamatan makanan.

"Ini sememangnya platform untuk bertukar-tukar idea dan amalan terbaik

Para peserta turut menari bersama penari tradisional Malaysia pada Majlis Makan Malam COCOTECH 2022 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) pada Isnin.

serta cadangan dasar untuk membantu kita lebih memahami isu dan cabaran yang dihadapi oleh industri kelapa.

"Saya amat berharap agar persidangan ini memberi peluang kepada semua ahli untuk bertemu dan menjalin kan jaringan untuk manfaat semua.

"Oleh itu, kita perlu memperkukuhkan lagi usaha kerjasama ini untuk terus mempertingkatkan daya tahan industri kelapa," katanya pada Majlis Makan Malam COCOTECH 2022 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) pada Isnin.

Hadir sama pada majlis tersebut ialah

Ketua Setiausaha MAFI, Datuk Haslina Abdul Hamid, Pengerusi ICC, Dr Viliani T Manu dan Pengarah Eksekutif ICC, Dr Jeflina C Alouw.

Tambah Ahmad, majlis makan malam yang diadakan sempena program tersebut merupakan satu penghormatan besar kepada semua hadirin termasuk delegasi dan peserta dari seluruh negara.

Ujarnya, pokok kelapa yang juga dikenali sebagai pokok kehidupan mempunyai pelbagai kegunaan bagi setiap bahagian.

"Setiap bahagian pokok seperti batang, daun, sekam, pelepah, daging,

getah, akar dan cengkerang digunakan dalam beberapa bentuk.

"Air kelapa adalah sumber penghidratan yang sangat baik untuk badan. Di samping itu, terbukti bahawa kelapa mempunyai nilai perubahan yang tinggi yang digunakan dalam bidang farmaseutikal dan produk kosmetik," jelasnya.

COCOTECH 2022 yang bertemakan *Climate Change Adaptation and Mitigation Strategy for a Resilient and Sustainable Coconut AgroIndustry* berjaya menarik seramai 400 peserta dari seluruh negara bermula pada 8 November sehingga 11 November.